

SOAL SELIDIK FAEDAH PERLAKSANAAN EKSA DI IBU PEJABAT

Pengenalan

EKSA JTM telah mula dilaksanakan bermula pada Oktober 2021 di mana ianya bermula daripada pembangunan Garis Panduan Pelaksanaan EKSA dengan merujuk Garis Panduan EKSA JPA sebagai asas pembangunan dan diolah mengikut kesesuaian dan konteks JTM. Setelah semua persediaan bagi pelaksanaan telah disediakan EKSA JTM telah dilancarkan pada 4 Mac 2022 oleh Ketua Pengarah JTM menandakan aktiviti EKSA peringkat Jabatan yang melibatkan semua kakitangan Ibu Pejabat JTM telah dimulakan secara rasminya. Walau bagaimanapun pihak pengurusan tertinggi memerlukan input daripada semua kakitangan bagi mendapatkan pandangan dan pengukuran tahap pelaksanaan EKSA di JTM.

Objektif


Soal-selidik EKSA JTM yang dibuat bermula pada 5 Oktober 2023 hingga 6 Oktober 2023 adalah berpandukan kepada Perkara 1.4 bertajuk Faedah Pelaksanaan EKSA JTM di dalam Garis Panduan Pelaksanaan EKSA JTM 2023. Terdapat 8 Faedah Pelaksanaan EKSA yang telah digariskan iaitu:

1. Mewujudkan persekitaran tempat kerja yang kondusif (bersih, kemas, tersusun dan selamat)
2. Meningkatkan keberkesanan dan kecekapan pengurusan organisasi
3. Mewujudkan piawaian kerja yang jelas
4. Menjana idea kreatif dan inovatif di kalangan warga JTM
5. Mengoptimumkan penggunaan ruang kerja, sumber dan tenaga dengan pengurusan persekitaran yang berkualiti
6. Meningkatkan semangat kerjasama berpasukan
7. Membina disiplin dan etika kerja yang baik
8. Meningkatkan imej korporat JTM

Hasil Dapatan


Bahagian

114 responses




Hasil daripada soal-selidik yang dibuat, telah dikumpulkan sebanyak 114 maklum balas yang diterima daripada 166 jumlah pegawai di Ibu Pejabat JTM. Sebanyak 69% yang telah memberikan maklum balas soal selidik berkenaan dan ianya mencapai 2/3 jumlah kakitangan yang menjadi responden kepada soal selidik ini.

1. Mewujudkan persekitaran tempat kerja yang kondusif (bersih, kemas, tersusun dan selamat)




Graf di atas menunjukkan pandangan kakitangan, status persekitaran semasa pegawai dan status persekitaran semasa jabatan di mana ianya di kedudukan yang baik secara majoritinya dan secara puratanya. Hasil terkumpul mendapati 84% responden memberikan respon yang positif, 10% responden memberikan respon yang neutral dan hanya 4% responden memberikan respon yang negatif.

2. Meningkatkan keberkesanan dan kecekapan pengurusan organisasi




Berikut adalah graf yang menunjukkan pandangan kakitangan serta status bagi pegawai dan Jabatan atas keberkesanan serta kecekapan dalam pengurusan organisasi setelah pelaksanaan EKSA di kuatkuasakan sehingga ke tarikh yang dinyatakan. Hasil terkumpul mendapati 87% responden memberikan respon yang positif, 12% responden memberikan respon yang neutral dan hanya 1% responden memberikan respon yang negatif.

3. Mewujudkan piawaian kerja yang jelas




Berikut pula adalah graf yang menunjukkan pandangan kakitangan serta status bagi pegawai dan Jabatan atas faedah yang diperolehi antaranya mewujudkan piawaian kerja yang jelas. Hasil terkumpul mendapati 77% responden memberikan respon yang positif, 22% responden memberikan respon yang neutral dan hanya 1% responden memberikan respon yang negatif.

4. Menjana idea kreatif dan inovatif di kalangan warga JTM




Graf di atas menunjukkan pandangan kakitangan, status semasa pegawai dan status semasa jabatan dalam Faedah 4 Pelaksanaan EKSA iaitu menjana idea kreatif dan inovatif di kalangan warga JTM di mana hasil terkumpul mendapati 81% responden memberikan respon yang positif, 18% responden memberikan respon yang neutral dan hanya 1% responden memberikan respon yang negatif.

5. Mengoptimumkan penggunaan ruang kerja, sumber dan tenaga dengan pengurusan persekitaran yang berkualiti




Berikut adalah graf yang menunjukkan pandangan kakitangan serta status semasa pegawai dan Jabatan atas mengoptimumkan penggunaan ruang kerja, sumber dan tenaga setelah pelaksanaan EKSA di kuatkuasakan sehingga ke tarikh yang dinyatakan. Hasil terkumpul mendapati 87% responden memberikan respon yang positif, 11% responden memberikan respon yang neutral dan 2% responden memberikan respon yang negatif.

6. Meningkatkan semangat kerjasama berpasukan




Berikut pula adalah graf yang menunjukkan pandangan kakitangan serta status semasa pegawai dan Jabatan atas faedah yang diperolehi iaitu meningkatkan semangat kerjasama berpasukan di mana ianya di kedudukan yang amat baik secara majoritinya dan secara puratanya. Hasil terkumpul mendapati 93% responden memberikan respon yang positif, 6% responden memberikan respon yang neutral dan hanya 1% responden memberikan respon yang negatif.

7. Membina disiplin dan etika kerja yang baik



Graf di atas menunjukkan pandangan kakitangan, status semasa pegawai dan status semasa jabatan dalam Faedah 7 Pelaksanaan EKSA iaitu membina disiplin dan etika kerja yang baik di mana hasil terkumpul mendapati 92% responden memberikan respon yang positif dan hanya 8% responden memberikan respon yang neutral. Tiada responden yang memberikan respon yang negatif pada perkara ini. Ianya di kedudukan yang amat baik secara majoritinya dan secara puratanya

8.Meningkatkan imej korporat JTM



Berikut pula adalah graf yang menunjukkan pandangan kakitangan serta status bagi pegawai dan Jabatan atas faedah yang diperolehi iaitu meningkatkan imej korporat JTM. Hasil terkumpul mendapati 73% responden memberikan respon yang positif, 21% responden memberikan respon yang neutral dan 6% responden memberikan respon yang negatif.

Rumusan

Hasil daripada pengukuran ini dapatlah disimpulkan bahawa 90% daripada responden memberikan pandangan bahawa pelaksanaan EKSA adalah berfaedah kepada Jabatan. Sebanyak 83% kakitangan telah bersedia dengan pelaksanaan EKSA di Jabatan. Manakala 79% kakitangan berpandangan bahawa Jabatan telah bersedia untuk mendapatkan Persijilan EKSA. Walau bagaimanapun ianya masih belum mencapai ke tahap sasaran di mana sekurang-kurangnya 85% secara keseluruhan diperlukan bagi persediaan Jabatan sebelum pengauditan persijilan EKSA Kendiri daripada pihak luaran. Soal selidik ini akan diguna pakai sekali lagi pada Januari 2024 di mana dijangkakan statistik-statistik berkenaan akan menunjukkan peningkatan. Dipaparkan graf hasil rumusan dapatan soal-selidik di Lampiran 1 bagi menjelaskan hasil keputusan dalam bentuk analisis visual.


Disediakan oleh:

Noor Imran bin Mohamad


Fasilitator EKSA JTM

18 Oktober 2023

1. Rumusan Pandangan Kakitangan JTM Terhadap Keberkesanan Faedah Pelaksanaan EKSA Di Jabatan



2. Rumusan Pandangan Kakitangan Terhadap Tahap Kesediaan Diri Bagi Pelaksanaan EKSA Sehingga 5/10/2023



3. Rumusan Pandangan Kakitangan Terhadap Tahap Kesediaan Jabatan Bagi Pelaksanaan EKSA Sehingga 5/10/2023

